

# Pendaftaran haji dibuka

Arab Saudi umum pendaftaran rasmi jemaah haji warga asing pada 2024

## JEDDAH

Arab Saudi mengumumkan pihaknya telah memulakan pendaftaran rasmi jemaah haji warga asing pada tahun depan, lapor *Saudi Gazette*.

Pusat Komunikasi Antarabangsa (CIC) berkata, jemaah Islam dari seluruh dunia kini boleh mendaftar haji bersama keluarga mereka menerusi aplikasi Nusuk di bawah seliaan Kementerian Haji dan Umrah.

Ia termasuk jemaah dari benua Asia, Afrika, Eropah,

Amerika Utara, Amerika Selatan dan negara-negara Oceania boleh membuat pendaftaran haji menerusi aplikasi tersebut.

Tambahnya, maklumat lanjut mengenai pendaftaran haji itu boleh didapati di laman sesawang [haji.nusuk.sa](http://haji.nusuk.sa).

Aplikasi Nusuk Haji adalah gerbang sehati yang dikendalikan Kementerian Haji dan Umrah serta menawarkan pelbagai pakej haji oleh penyedia khidmat di Arab Saudi yang diluluskan pihak berkuasa.

Justeru, jemaah boleh mendaftar nama mereka di laman Nusuk selepas mewujudkan akaun peribadi bersama e-mel dan negara tempat tinggal mereka pada 2024.

Haji pada tahun ini adalah yang pertama dijalankan dengan kapasiti penuh pasca pandemik Covid-19 dengan sejumlah lebih 1.8 juta jemaah haji termasuk lebih 1.6 juta jemaah warga asing dan lebih 180,000



Seorang jemaah berdoa di Masjidil Haram di Makkah semasa menunaikan haji pada tahun ini. - AFP

jemaah warga serta penduduk Arab Saudi.

Pada tahun sama, jumlah jemaah haji lelaki adalah seramai 969,694 orang, manakala jemaah wanita mencecah

875,351 orang.

Jemaah haji dari negara Asia berjumlah 1.1 juta iaitu 63.5 peratus, manakala jemaah dari negara Arab seramai 346,214 orang atau 21 peratus. - Agensi

## Protes selepas letupan maut

**JAKARTA** - Ratusan pekerja Indonesia membanthah keadaan di loji pemprosesan nikel yang dibiayai China selepas insiden letupan yang mengorbankan lapan orang dan mencederakan puluhan yang lain.

Insiden berlaku pada Sabtu ketika mereka sedang membaiki relau di sebuah loji milik PT Indonesia Tsingshan Stainless Steel (ITSS) di Taman Perindustrian Morowali di pulau Sulawesi.

Mereka memberikan 23 senarai tuntutan kepada pihak pengurusan. Tuntutan itu termasuk meningkatkan perkhidmatan klinik dan pekerja China dikehendaki mempelajari bahasa Indonesia. - AFP